



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA
BIL. 6 / 2023

PELAKSANAAN URUSAN SEMAKAN
DAFTAR PEMILIH TAMBAHAN BULAN FEBRUARI
TAHUN 2023 (DPT BLN2/2023)

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin memaklumkan bahawa **Daftar Pemilih Tambahan Bulan Februari Tahun 2023 (DPT BLN2/2023)** telah diperaku pada **16 Mac 2023** dan diwartakan pada hari ini **17 Mac 2023**. DPT BLN2/2023 ini dibuka untuk semakan **selama 30 hari mulai 17 Mac 2023 hingga 15 April 2023**.
2. DPT BLN2/2023 ini mengandungi **34,896** nama warganegara yang berumur 18 tahun dan ke atas dalam tempoh **1 Februari 2023 hingga 28 Februari 2023** yang didaftarkan secara automatik sebagai pemilih baharu, **10,771** orang pemilih berdaftar yang bertukar bahagian pilihan raya dan **4,256** orang pemilih bertukar status/kategori pengundi.
3. SPR menyediakan 5 kaedah semakan bagi DPT BLN1/2023 iaitu seperti berikut:
 - (a) Portal SPR di pautan **<https://www.spr.gov.my>** atau **<https://mysprsemak.spr.gov.my>**;
 - (b) Portal rasmi Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri di pautan **<http://ppn.spr.gov.my>**;
 - (c) Aplikasi dalam talian di pautan **<https://myspr.spr.gov.my>**;
 - (d) Aplikasi mudah alih **MySPR Semak**; atau
 - (e) Hotline Semakan Pendaftaran Pemilih di talian **03-88927218**.

4. SPR menyeru kepada warganegara yang berumur 18 tahun dan ke atas dalam tempoh **1 Februari 2023 hingga 28 Februari 2023** dan mana-mana pemilih berdaftar yang telah memohon pertukaran bahagian pilihan raya atau pertukaran status untuk menyemak nama mereka dalam DPT BLN2/2023. Sekiranya mereka mendapati namanya tidak disenaraikan dalam DPT BLN2/2023, mereka boleh membuat **TUNTUTAN** dengan mengisi **Borang C** melalui aplikasi dalam talian di pautan <https://myspr.spr.gov.my> atau hadir ke Pejabat Pilihan Raya Negeri yang berkenaan.
5. Di samping itu, mana-mana pemilih berdaftar di sesuatu bahagian pilihan raya yang membuat semakan dan berhasrat membuat **BANTAHAN** ke atas kemasukan nama pemilih yang membuat pertukaran ke bahagian pilihan rayanya dengan mengisi **Borang D** melalui aplikasi dalam talian di pautan <https://myspr.spr.gov.my> atau hadir ke Pejabat Pilihan Raya Negeri yang berkenaan.
6. Borang C dan Borang D juga boleh **dimuat turun dari portal Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri di pautan <http://ppn.spr.gov.my> dan hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Pilihan Raya Negeri berkenaan untuk membuat serahan dan membayar fi bantahan pada waktu pejabat pada mana-mana hari bekerja** sepanjang tempoh semakan DPT BLN2/2023.
7. Untuk sebarang pertanyaan mengenai urusan semakan DPT BLN2/2023 ini, orang ramai boleh melayari portal rasmi SPR di pautan <https://www.spr.gov.my> atau hubungi SPR di talian **03-8892 7218** atau mana-mana Pejabat Pilihan Raya Negeri.

Sekian, terima kasih.

DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

17 Mac 2023 / 24 Syabaan 1444H